

# Dr Mahathir ucap tahniah Jokowi menang Pilpres 2019

> TPM turut zahir ucapan sama, yakin hubungan dua negara terus diperkukuh

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Mohd Anwar Patho Rohman  
bhnews@bh.com.my

## Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada Joko Widodo atau Jo-

kowi yang diumumkan sebagai pemenang Pilihan Raya Presiden Indonesia 2019 (Pilpres 2019). Perdana Menteri, menerusi kenyataan di akaun rasmi Twitternya semalam, turut berharap hubungan Malaysia dan Indonesia akan lebih erat dengan kemenangan Jokowi bagi penggal kedua jawatan Presiden Indonesia.

“Saya ucap tahniah kepada Ba-

pak @jokowi atas kemenangan secara rasmi sebagai Presiden Republik Indonesia.

“Saya berharap kerjasama antara dua negara akan semakin erat selepas ini,” katanya.

### Terus kental hadapi cabaran

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Jokowi dan mendoakan Presiden Indonesia itu dikurniakan kesihatan yang baik dan terus kental menghadapi cabaran mendatang sebagai pemimpin.

Beliau yakin hubungan Malaysia dan Indonesia sebagai negara serumpun, akan terus diperkukuh serta memberi manfaat kepada rak-yat.

“Syukur ke hadrat Allah SWT Pilpres 2019 negara tetangga, Indonesia melabuhkan tirai dengan jayanya.

“Seperti mana yang ditetapkan Komisi Pemilihan Umum (KPU) pasangan capres dan cawapres nomor urut 01 Joko ‘Jokowi’ Widodo dan Ma’ruf Amin diumumkan pemenang Pilpres 2019.

“Dengan sukacitanya saya ingin menzahirkan ucapan tahniah di



atas kemenangan Jokowi kerana berjaya dilantik semula sebagai Presiden Indonesia yang kelapan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kemenangan itu membolehkan Jokowi kekal memimpin negara demokrasi ketiga terbesar di dunia itu bagi tempoh 2019-2024.

Suruhanjaya Pilihan Raya Indonesia (KPU) membuat pengumuman itu jam 1.46 pagi semalam (waktu Indonesia Barat) sehari lebih awal, selepas proses pengiraan undi di 813,350 pusat mengundi, selesai jam 11.30 malam kelmarin.

Jokowi, 57, bersama gandingannya untuk jawatan Naib Presiden, Ma’ruf Amin, 76, memperoleh 85,607,362 undi, manakala pencabarnya, Prabowo Subianto, 67, dan gandingannya, Sandiaga Uno, 49, memperoleh 68,650,239 undi.

Dengan jumlah undian itu, Jokowi memperoleh 55.5 peratus, manakala pencabarnya, Prabowo sebanyak 44.5 peratus.

Kehadiran tinggi pengundi, iaitu hampir 80 peratus daripada sejumlah 192.3 juta pengundi layak di republik itu dikatakan menyumbang margin kejayaan lebih besar untuk Jokowi.